



03 FEB, 2021

Buah pinggang rosak, terpaksa dialisis 3 kali seminggu

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Buah pinggang rosak, terpaksa dialisis 3 kali seminggu

PETALING JAYA – Rutin harian seorang wanita berusia 33 tahun yang gemar bersukan kini berubah 360 darjah selepas dia disahkan mengalami masalah kegagalan buah pinggang sejak dua tahun lalu.

Menceritakan kisah itu, Nurul Izzati Azwani Abdullah Zawawi berkata, dia juga terpaksa menjalani rawatan dialisis sebanyak tiga kali seminggu di sebuah pusat perubatan bagi merawat penyakit tersebut.

"Sebelum ini, saya sangat aktif bersukan seperti menyertai larian maraton dan bermain badminton."

"Bagaimanapun, saya tidak

sangat perlu berdepan masalah seterus ini dan terpaksa menjalani dialisis.

"Semuanya bermula dua tahun lalu apabila saya berasa tidak sihat, muntah, kuat tidur dan sering pucat. Malah, kasut yang dipakai juga tidak muat kerana kaki mula membengkak," katanya.

Tambah Nurul Izzati, susulan itu dia mula mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Kuala Lumpur sebelum disahkan mengalami masalah anemia.

"Lebih menyedihkan apabila selepas itu saya turut disahkan mengalami masalah buah pinggang dan memilih rawatan

dialisis darah tiga kali seminggu," ujarnya.

Wanita itu juga tidak menolak kemungkinan bahawa tabiatnya yang suka mengambil pil tahan sakit setiap kali datang haid sebagai punca berlakunya kerosakan pada buah pinggangnya.

"Sejak berusia 12 tahun, saya sering mengalami masalah senggugut dan mula mengamalkan pengambilan pil tahan sakit pada tahun 2015 untuk mengurangkan ketidakselesaan itu.

"Itu mungkin menjadi faktor saya mengalami masalah ini selain tabiat suka memakan makanan segera serta gemar menikmati makanan segera," jelasnya.



NURUL IZZATI ketika menjalani dialisis bagi merawat sakit buah pinggang di MAA Medicare, Kuala Lumpur baru-baru ini.



03 FEB, 2021

Buah pinggang rosak, terpaksa dialisis 3 kali seminggu

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PETALING JAYA - Rutin harian seorang wanita berusia 33 tahun yang gemar bersukan kini berubah 360 darjah selepas dia disahkan mengalami masalah kegagalan buah pinggang sejak dua tahun lalu. Menceritakan kisah itu, Nurul Izzati Azwani Abdullah Zawawi berkata, dia juga terpaksa menjalani rawatan dialisis sebanyak tiga kali seminggu di sebuah pusat perubatan bagi merawat penyakit tersebut."Sebelum ini, saya sangat aktif bersukan seperti menyertai larian maraton dan bermain badminton.